



KL tak cukup kawasan hijau untuk serap air

Eksklusif

Hanya tinggal kira-kira 85 hektar sahaja Hutan Simpan Kekal (HSK) di Kuala Lumpur untuk dijadikan kawasan hijau yang berfungsi sebagai 'penyerap' sebarang impak disebabkan perubahan iklim. Hakikatnya, keluasan itu amat tidak mencukupi untuk membolehkan kawasan hijau atau span di sekitar Kuala Lumpur untuk menyerap air atau mengawal pergerakan air hujan bagi mengelakkan berlaku risiko banjir lumpur.

Oleh Suzalina Halid → Nasional 3

Hanya ada 85 hektar HSK di Kuala Lumpur

(5 Mei 2023) BH, P3

JPSM tekad tambah kawasan hijau di ibu kota sebagai penyerap perubahan iklim

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Berikutan kemajuan pesat, keluasan Hutan Simpan kekal (HSK) di sekitar ibu kota Kuala Lumpur kini semakin kritikal apabila hanya tinggal kira-kira 85 hektar untuk dijadikan kawasan hijau yang berfungsi sebagai kawasan 'penyerap' kepada perubahan iklim.

Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertekad menambah sekurang-kurangnya 90 hektar kawasan hutan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk diwartakan sebagai HSK dalam masa terdekat bagi meningkatkan kawasan hijau atau *green lungs* di ibu kota.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Ridza Awang, berkata kawasan HSK seluas 85 hektar di Kuala Lumpur tidak mencukupi kerana ia hanya menyumbang tujuh peratus daripada keseluruhan 2,066 hektar kawasan hutan sedia ada.

"Kalau ikutkan 85 hektar ini memang tidak mencukupi kerana kita memerlukan 50 peratus sekurang-kurangnya kawasan berhutan daripada keseluruhan

Eksklusif

kawasan tanah yang ada di sini kerana fungsinya yang signifikan sebagai *green lungs*.

"Atas dasar itu, beberapa lagi kawasan hutan di Kuala Lumpur, termasuk di Labuan yang sedang dalam proses untuk mendapatkan tanah hutan untuk diwartakan sebagai HSK," katanya kepada BH.

HSK seluas 85 hektar di ibu kota adalah di Bukit Lagong, Bukit Nanas, Sungai Besi dan Bukit Sungei Puteh.

5.7 juta hektar kawasan berhutan di Semenanjung

Sementara itu di seluruh Semenanjung mempunyai 5.7 juta hektar kawasan berhutan dengan 4.8 juta daripadanya diwartakan sebagai HSK sama ada bagi tujuan pengeluaran atau penyelidikan, rekreasi dan pendidikan.

Kawasan hijau atau kawasan span dalam konteks bandar besar yang pesat membangun seperti Kuala Lumpur berfungsi sebagai penyerap kepada cuaca panas dan ia mempunyai impak kepada perubahan iklim pada masa hadapan.

Ia turut berfungsi sebagai penyerap air serta mengawal pergerakan air hujan mahupun air bawah tanah dan dengan kewujudan tumbuhan dan pokok asal, ia dapat menguatkan struktur ta-

nah daripada terhakis, sekali gus mengurangkan risiko banjir lumpur.

Malaysia sebelum ini menyatakan komitmen untuk mengekalkan 50 peratus keluasan tanah di negara ini diliputi hutan pada Sidang Kemuncak Bumi 1992 di Rio de Janeiro, Brazil.

Mengulas langkah untuk memastikan kawasan hutan di bandar-bandar besar yang semakin susut terus terpelihara, Mohd Ridza berkata, HSK yang dikorbankan bagi tujuan pembangunan untuk kepentingan awam hanya menjadi jalan akhir kerana JPSM yang seboleh-bolehnya mahu ia dikekalkan.

Namun, HSK yang dikorbankan itu perlu digantikan dengan jumlah sama atau lebih seperti mana termaktub dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Beliau memberi contoh pembangunan Lebuh raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) pada 2010 yang terpaksa menggunakan 7.41 hektar HSK, namun ia sudah digantikan dengan kawasan lebih luas, iaitu 25 hektar di Sungai Besi Tambahan.


"Selain penggantian kawasan, bagi mana-mana pembangunan yang ingin dilaksanakan, agensi kerajaan terbabit perlu mendapatkan ulasan JPSM dahulu sekiranya ia membabitkan kawasan hutan dan biasanya kita beri pandangan tidak bersetuju.

"Namun, sekiranya ia terpaksa dilakukan juga bagi kepentingan awam, kita terpaksa akur dan penukaran status tanah HSK menjadi jalan akhir," katanya.

Mohd Ridza menegaskan JPSM komited untuk memelihara HSK

Kawasan hijau di KL makin kritikal

Kawasan HSK seluas 85 hektar di ibu kota terletak di empat lokasi membabitkan Bukit Lagong, Bukit Nanas, Sungai Besi dan Bukit Sungei Puteh.



di negara ini, termasuk membawa isu berhubung pembangunan yang membabitkan kawasan hutan ke Majlis Tanah Negara (MTN).

Beliau berkata, peningkatan kawasan hutan, termasuk HSK adalah penting kerana ia juga bertindak sebagai kawasan strategik keterjaminan makanan, selain bank tanah untuk menampung pertumbuhan penduduk negara yang dijangka meningkat kepada 40 juta menjelang 2050.

Atas dasar itu, beliau berkata, adalah penting bagi negara melakukan persediaan awal, termasuk menambah jumlah kawasan hutan yang diwartakan demi ke-

pentingan keterjaminan makanan penduduk.

"Antara usaha kita lakukan termasuk Kempen Penghijauan Malaysia menerusi program penanaman 100 juta pokok menjelang 2025 yang dilaksanakan sejak 2021. Sehingga kini, kita berjaya mencapai kira-kira 60 juta pokok dalam tempoh dua setengah tahun," katanya.

Beliau berkata, apabila direalisasikan kelak, HSK baharu akan dikelaskan untuk tujuan pendidikan, rekreasi dan penyelidikan tanpa dibenar ditukar statusnya atau memberi laluan untuk sebarang projek pembangunan.